

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut

NO. SEBUT HARGA : JPS (SH) / SMART / 07 / 2020
TAJUK PROJEK : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PAGAR TERMASUK KERJA BERKAITAN DENGANNYA DI LOT 481153 RIZAB KOLAM TAKUNGAN BANJIR, PUSAT KAWALAN SMART, JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR.

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai sebut harga ini hendaklah berdaftar dengan CIDB di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) di bawah bidang berikut :

Gred	Kategori	Pengkhususan
G2	CE 21	CE Kerja-kerja Am Kejuruteraan Awam


3. Segala maklumat dan dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Tingkat 3, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** mulai dari **18 Februari 2020 (Selasa)** waktu penjualan sebut harga adalah seperti berikut :

Isnin – Khamis : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari
2.30 petang – 4.00 petang

Jumaat : 9.00 pagi – 12.00 tengah hari

4. Dokumen sebut harga **kerja** hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran **ASAL** (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB.
5. Kontraktor yang ingin memasuki sebut harga di atas adalah dikehendaki mengeluarkan Wang Kiriman Pos berharga **RM10.00 (Ringgit Malaysia: Sepuluh Sahaja)** yang dibuat atas nama Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai bayaran dokumen sebut harga.
6. Taklimat sebut harga adalah **DIWAJIBKAN** dan hanya kontraktor yang menghadiri taklimat dibenarkan mengambil dokumen sebut harga. Kontraktor hendaklah melaporkan diri pada **17 Februari 2020 (Isnin)** pada jam **9.30 pagi** di **Pusat Kawalan SMART, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Berembang, OFF KM5, Jalan Ampang, 55000 Kuala Lumpur**.
7. Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) / Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja boleh menghadiri taklimat sebut harga.
8. Sebut harga ini akan ditutup pada **24 Februari 2020 (Isnin)**. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak, Tingkat 3, Jabatan Pengairan dan Saliran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Jalan Sultan Salahuddin, 50626, Kuala Lumpur** tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada hari tersebut.

PERHATIAN : KONTRAKTOR DIWAJIBKAN UNTUK MENGEMUKAKAN SIJIL PENDAFTARAN ASLI YANG DIKELUARKAN OLEH CIDB UNTUK TUJUAN SEMAKAN SEMASA LAWATAN TAPAK DAN MEMBELI DOKUMEN SEBUTHARGA


.....
Nama HJ. ZAINALFIKRY BIN DAUD
Jawatan : Pengarah Operasi
Pusat Kawalan SMART
Jabatan Pengairan dan Saliran
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Tarikh 5/02/2020